

Bergelut dengan api



ANGGOTA bomba Indonesia memadam kebakaran hutan di Pekanbaru, Riau, kelmarin. Pihak berkuasa Indonesia turut menghantar ribuan petugas pasukan bantuan bagi menghalang situasi kebakaran itu terus melarat. - AFP

IPU MIRI 404

Dua sekolah ditutup

Kandau Sidi
kandau@nstp.com.my

Miri

Dua sekolah di Miri ditutup semalam alibat masalah jerebu serius selepas indeks pencemaran udara di kawasan sekitarnya mencapai tahap bahaya. Sekolah itu ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Kuala Baram II dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Chung Hua Tudan. Bilangan murid dan guru yang terjejas ialah 2,015 orang dan sekolah itu akan terus ditutup sehingga situasi jerebu pulih.

Ketua Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak Mejar Ismail Mahedin berkata, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak terpaksa memberi arahan penutupan susulan bacaan IPU melebihi 223.

Miri catat bacaan IPU tertinggi

Miri Stesen pemantauan kualiti udara Jabatan Alam Sekitar (JAS) mencatatkan indeks pencemaran udara (IPU) bacaan tertinggi iaitu 404 di tahap bahaya di Miri, semalam.

Bacaan tertinggi itu direkodkan pada jam 8 pagi, namun IPU di kawasan berhampiran termasuk di Senadin, Tudan, Kuala Baram dan Permyjaya berubah disebabkan perubahan tiupan angin dan sedikit hujan di kawasan hutan yang terbakar.

Mengikut laporan JAS kawasan stesen yang merekodkan IPU di tahap bahaya ialah di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Miri.

Manakala, sehingga jam 4 petang stesen Sekolah Kebangsaan (SK) Kuala Baram 2 mencatatkan bacaan IPU sangat tidak sihat iaitu 204, manakala stesen Miri berada

pada kategori sederhana dengan bacaan 93.

Bacaan IPU antara 0 hingga 50 dikategori sebagai baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) dan 300 ke atas (bahaya).

FAKTA
Bomba dapati bekas tapak yang pernah terbakar mengeluarkan asap semula

Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Miri Law Poh Kiong berkata, pihaknya mendapati bekas tapak yang pernah terbakar mengeluarkan asap semula.

"Terdapat beberapa tompok api kecil berdekatan kawasan Lot 3709 di tepi jalan, Lot 3709 di jalan pasir jauh ke hutan dan kawasan berdekatan Kompleks Kebajikan Hamidah," katanya.

Beliau berkata, pihaknya masih berada di lokasi kebakaran hutan itu untuk mengawal kebakaran hutan berkenaan.

dalam satu kenyataan, semalam.

Katanya, SJK Chung Hua Tudan yang mempunyai 1,300 murid dan 64 tenaga pengajar terjejas teruk kerana terletak berhampiran Institut Latihan Perindustrian (ILP) Miri.

"Di SK Kuala Baram II, seramai 556 murid, 50 murid prasekolah dan 45 guru terpaksa pulang ke rumah selepas sekolah diarahkan tutup," katanya.

Dalam perkembangan sama, Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Miri, Law Poh Kiong berkata, usaha memadam kebakaran menggunakan semua aset yang ada masih diteruskan seperti biasa.

Beliau berkata, tumpuan operasi pemadaman dilakukan di Kompleks Kebajikan Hamidah manakala, pesawat Bombardier akan memfokus kepada usaha memadam kebakaran di ILP Miri.

"Sesi pengajaran dan pembelajaran dihentikan jam 9 pagi selepas keadaan jerebu semakin teruk. "Kawasan sekolah dilanda jerebu buruk akibat daripada kebakaran hutan yang berlaku berhampiran kawasan sekolah," katanya